

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

GARIS PANDUAN / TATACARA PERMOHONAN BAYARAN FILEM (BF)

1. Syarikat filem mesti memiliki **Lesen Pengedaran Filem (DF)** daripada FINAS yang masih sah tempohnya.
2. Permohonan Bayaran Filem perlu dibuat melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara (SPPIK) secara atas talian (*online*) di pautan www://sppik.finas.my.
3. Setiap permohonan hendaklah disertakan maklumat dan memuatnaik dokumen yang diperlukan seperti :-
 - Permohonan Akuan Pengimportan Filem yang lengkap diisi dalam sistem SPPIK;
 - Memuatnaik salinan inbois / *airway bill* bagi kategori cereka filem dan lain-lain;
 - Papan cerita (*story board*) dengan mengikut Format Lembaga Penapisan Filem (LPF) bagi kategori filem iklan.

(Perhatian : Semua dokumen perlu dikemukakan melalui *softcopy* **format PDF** sahaja dimuatnaik dalam sistem SPPIK).
4. Kadar Bayaran Filem adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
5. Bayaran Filem hanya dikenakan kepada filem yang diimport termasuk salinan dari luar negara sahaja.
6. Bagi salinan yang dibuat di Malaysia, syarikat pengedar perlu mengemukakan salinan inbois dari syarikat Malaysia yang menyalin filem tersebut sebagai bukti salinan dibuat di Malaysia. Salinan filem hanya boleh dibuat oleh syarikat yang mempunyai Lesen Pengeluaran daripada FINAS.
7. Bayaran boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui sistem SPPIK.
8. Resit Rasmi Bayaran Filem boleh dimuat turun/dicetak melalui SPPIK setelah transaksi pembayaran selesai dilakukan.
9. **Bayaran filem yang dibayar kepada Perbadanan tidak boleh dibayar balik** sebagaimana Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Bayaran Filem) 1988.

Pautan SPPIK : www://sppik.finas.my

Website FINAS : <http://www.finas.gov.my>

E-mel : pelesenanfinas@gmail.com

Tel : 03-4104 1300 / 1458 / 1360

JADUAL KEDUA
Peraturan 3 (1)
KADAR BAYARAN FILEM

(1) JENIS FILEM	(2) KADAR BAYARAN
<p>(a) Filem wayang gambar cerita, treler dan lain-lain filem wayang gambar (tidak termasuk filem iklan dan dokumentari) :</p> <p>(i) bagi salinan pertama</p> <p>(ii) bagi salinan kedua dan seterusnya...</p>	<p>RM1.00 seminit atau sebahagiannya</p> <p>RM2.00 seminit atau sebahagiannya</p>
<p>(b) Filem wayang gambar dokumentari :</p> <p>(i) bagi salinan pertama</p> <p>(ii) bagi salinan kedua dan seterusnya...</p>	<p>20 sen seminit atau sebahagiannya</p> <p>50 sen seminit atau sebahagiannya</p>
<p>(c) Pita video atau cakera video filem cerita, treler dan lain-lain filem pita video (tidak termasuk filem iklan dan dokumentari) :</p> <p>(i) bagi salinan pertama</p> <p>(ii) bagi salinan kedua dan seterusnya...</p>	<p>RM50.00 sejam atau sebahagiannya</p> <p>RM100.00 sejam atau sebahagiannya</p>
<p>(d) Cakera video filem cerita, treler dan cakera video filem lain (tidak termasuk filem iklan) :</p> <p>(i) bagi setiap salinan</p>	<p>RM2.00 sejam atau sebahagiannya</p>
<p>(e) Pita video dokumentari :</p> <p>(ii) bagi salinan pertama</p> <p>(iii) bagi salinan kedua dan seterusnya...</p>	<p>RM2.00 sejam atau sebahagiannya</p> <p>RM5.00 sejam atau sebahagiannya</p>
<p>(f) Filem wayang gambar iklan atau pita video atau cakera video filem iklan :</p> <p>(i) bagi salinan pertama</p> <p>(ii) bagi salinan kedua dan seterusnya...</p>	<p>RM100.00 sejam atau sebahagiannya</p> <p>RM200.00 sejam atau sebahagiannya</p>